

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **BERTULIS**

DARIPADA : **DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH FADZIR (KULIM BANDAR BAHARU)**

SOALAN : **DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH FADZIR** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah pihak Kementerian merancang untuk mengkaji semula pemberian baja insentif iaitu baja jenama Foliar kerana banyak rungutan daripada petani berkenaan lambakan baja tersebut kerana ianya susah untuk digunakan dan akhirnya hanya menguntungkan syarikat pembekal.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Pemberian baja dalam skim subsidi dan insentif yang diberikan oleh Kerajaan adalah mengikut kesesuaian penggunaan baja di kawasan tersebut. Sebelum sesuatu baja dan input pertanian itu diberikan untuk kawasan tersebut, kajian kesesuaian dilakukan terlebih dahulu bagi menentukan jenis baja dan input pertanian yang bersesuaian untuk diberikan kepada petani di kawasan tersebut berdasarkan jenis tanah. Kebanyakan kawasan penanaman padi dibekalkan dengan baja organik bagi adalah kerana kawasan tersebut kurang subur dan fungsi

baja organik itu sendiri adalah bagi memperbaiki struktur dan mengekalkan kesuburan tanah di kawasan tersebut.

Bagi kawasan yang tidak mengalami masalah dengan tahap kesuburan tanah, Kerajaan membekalkan dua jenis baja yang berlainan iaitu baja foliar dan *growth enhancer*. Pada ketika ini, baja Foliar diberikan kepada pesawah di kawasan Kedah dan Perak berdasarkan jenis tanah di kawasan tersebut iaitu *marine alluvium* (lanar laut). Baja tersebut diberikan untuk membekalkan unsur mikro sebagai tambahan kepada tanaman padi bagi membantu mempertingkatkan hasil pengeluaran. Bermula April 2013 sehingga Februari 2015, bagi kawasan MADA dan Perak sebanyak 1,323,374 botol foliar telah pun diberikan kepada petani manakala bagi kawasan Kedah dan Kerian pula sebanyak 1,306,479 botol telah dibekalkan kepada petani.

Namun begitu, Kerajaan sentiasa melakukan kajian dan mendapatkan maklum balas dari petani dari semasa ke semasa bagi memastikan kesesuaian penggunaan input di kawasan tersebut di samping menjaga kebajikan petani agar input yang diberikan dengan tujuan membantu petani mengurangkan kos penanaman padi ini tidak membebankan petani itu sendiri.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH
DARIPADA FADZIR [KULIM BANDAR BAHARU]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Dato' Abd. Aziz bin Haji Sheikh Fadzir [Kulim Bandar Baharu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah mata pelajaran sejarah di peringkat sekolah rendah dan menengah dikaji semula untuk penambahbaikan agar generasi baru dapat menghayati serta memahami kesukaran Malaysia untuk mendapat kemerdekaan.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Mata pelajaran Sejarah di sekolah rendah dan menengah telah dikaji semula oleh Jawatankuasa Khas Mengkaji Kurikulum Sejarah dan Buku Teks Sekolah Menengah yang telah ditubuhkan pada 3 Mei 2011. Jawatankuasa Khas ini telah mengemukakan hasil dapatan dan cadangan kepada YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pendidikan Malaysia pada 15 Mei 2012. Berdasarkan laporan Jawatankuasa Khas ini, dua jawatankuasa telah ditubuhkan iaitu:

- a. **Panel Pakar Rujuk Kurikulum Sejarah dan Buku Teks Sejarah** (24 Oktober 2012) yang melibatkan tokoh akademik daripada pelbagai kepakaran dalam bidang ilmu sejarah sama ada Sejarah negara mahupun Sejarah negara luar.
- b. **Jawatankuasa Kerja Penambahbaikan Mata Pelajaran Sejarah** (28 Jun 2012) yang melibatkan pegawai-pegawai Bahagian di

Kementerian Pendidikan yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (Sektor Dasar dan Pembangunan Pendidikan).

Pembentukan Panel Pakar Rujuk ini bertujuan memastikan **penggubalan kurikulum Sejarah dan penerbitan buku teks Sejarah** akan dapat memberi impak kepada pemahaman dan penghayatan sejarah tanah air di samping membangunkan kurikulum Sejarah yang holistik selari dengan dapatan dan cadangan yang disarankan oleh Jawatankuasa Khas.

Manakala Jawatankuasa Kerja Penambahbaikan Mata Pelajaran Sejarah pula meneliti dan mengkaji hasil dapatan dan cadangan tersebut dilaksanakan bagi memastikan tumpuan diberikan kepada usaha-usaha penambahbaikan mata pelajaran Sejarah untuk jangka pendek dan jangka panjang. Hasil dapatan dan cadangan yang berkaitan dengan **kurikulum, buku teks, data guru opsyen, bahan dan program sokongan, pemantauan pembelajaran dan pengajaran mata pelajaran Sejarah, pengurusan panitia Sejarah, penilaian dan pentaksiran, kursus latihan guru pra perkhidmatan dan dalam perkhidmatan serta program bimbingan/intervensi peningkatan prestasi akademik mata pelajaran Sejarah** telah, sedang dan akan dilaksanakan dengan mengambil kira semua perkara yang disarankan oleh Jawatankuasa Khas.